

Korek terowong MRT SSP 2018

GUANGZHOU - Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) bersedia melaksanakan kerja menggali terowong bawah tanah bagi pembinaan MRT laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (SSP) menjelang suku pertama tahun depan.

Pengarah Komunikasi Strategik dan Hal Ehwal Berkepentingan MRT Corp, Datuk Najmuddin Abdullah berkata, kerja pengorekan sepanjang 13.5 km itu bermula di Jalan Ipoh dan berakhir di Bandar Malaysia Selatan, Kuala Lumpur.

Beliau berkata, kerja-kerja itu akan dilaksanakan selepas dua daripada empat mesin pengorek terowong (TBM) baharu diterima masing-masing pada November dan Disember ini, manakala dua lagi dijangka pada tahun hadapan.

Najmuddin berkata, keempat-empat mesin itu yang merupakan unit TBM jenis pembolehubah ketumpatan kini menjalani proses ujian penerimaan kilang di Herrenknecht Tunneling Machinery Co Ltd di Guangzhou, China.

Beliau berkata, ujian penerimaan



Najmuddin (tiga, kanan) melancarkan ujian penerimaan kilang bagi dua buah unti mesin pengorek terowong baharu yang bakal digunakan untuk mengorek terowong projek MRT laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya di Guangzhou, China.

itu akan meliputi lebih 400 proses pemeriksaan dalam memastikan sistem dan penghasilan reka bentuk mesin memenuhi spesifikasi mengikut kontrak yang ditetapkan.

Najmuddin berkata, sebanyak

12 mesin TBM akan digunakan bagi kerja-kerja membuat terowong bawah tanah untuk jajaran MRT SSP dengan lapan daripadanya merupakan mesin yang telah digunakan semasa membina terowong bagi

projek MRT laluan Sungai Buloh-Kajang (SBK) yang telah dibaik pulih.

Beliau berkata, penambahan jumlah mesin itu dilakukan kerana jajaran bawah tanah bagi laluan



● Pengorekan sepanjang 13.5 km

● Mula Jalan Ipoh

hingga Bandar Malaysia Selatan

kedua MRT adalah lebih panjang berbanding laluan SBK iaitu hanya 9.5 km.

Mesin pengorek terowong ini setinggi bangunan empat tingkat bergaris pusat 6.7 meter dengan kemampuan mengorek terowong pada purata 10 meter sehari.

Najmuddin berkata, Projek MRT SSP kini mencapai 12.05 peratus siap dan dijangkakan mencapai 19 peratus menjelang hujung tahun ini.

MRT laluan SSP yang merupakan projek mega infrarakyat dengan peruntukan kos RM32 bilion mempunyai jajaran sepanjang 52.2 km meliputi 37 stesen dan 11 daripadanya adalah stesen bawah tanah dijangka siap sepenuhnya pada 2022. - Bernama